



TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT (“Terma dan Syarat”) KEMPEN KFH MALAYSIA AKAUN SEMASA-i DAN AKAUN SIMPANAN-i KFH SURE “MENANG SEHINGGA 6 BULAN GAJI” (Kempen”)

1. Kempen

- 1.1 Kempen ini bermula pada 14 Februari sehingga 14 Ogos 2017, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).
- 1.2 KFH Malaysia (“**Bank**”) berhak untuk mengubah atau meminda Tempoh Kempen pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu, tanpa memberikan sebarang alasan.

2. Kelayakan dan Penyertaan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan-pelanggan baru dan sedia ada KFH Malaysia seperti berikut:
 - a. Pelanggan individu warganegara Malaysia, bermaustautin dan tidak bermastautin di Malaysia, berumur 18 tahun keatas.
 - b. Pelanggan individu di bawah umur 18 tahun dan pelanggan korporat TIDAK layak menerima ganjaran yang ditawarkan di bawah Kempen ini.
 - c. Kakitangan Kumpulan Kuwait Finance House, termasuk pengarah-pengarah, pekerja secara tetap atau kontrak dan ahli keluarga terdekat TIDAK layak menerima ganjaran yang ditawarkan di bawah Kempen ini.
 - 2.2 Pelanggan individu baru dan sedia ada yang memilih untuk menyertai Kempen ini dikehendaki membuka di mana-mana cawangan Bank dan mengekalkan produk-produk Bank yang berikut (“**Produk Penyertaan**”):
 - a. Akaun Simpanan-i KFH SURE (“**SURE SA**”);
 - b. Akaun Semasa-i KFH SURE (“**SURE CA**”); ATAU
 - c. KFH Deposit Komoditi Murabahah Antarabangsa-i (Deposit Berjangka-i) (“**ICM**”)
 - 2.3 Pelanggan individu yang telah mematuhi kriteria yang dinyatakan semasa Tempoh Kempen dalam fasal 3, akan dirujuk sebagai “**Peserta**”.
- Kriteria untuk menerima ganjaran / hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini tercatat di fasal 3 dan 4.*
- 2.4 Penyertaan atau pendaftaran terdahulu untuk penyertaan Kempen ini tidak diperlukan,

3. Kriteria Kelayakan

- 3.1 Senarai pendek pemenang berpotensi adalah melalui cabutan bertuah, di mana pelanggan-pelanggan yang layak untuk menyertai Kempen adalah seperti dibawah (“**Kriteria Yang Ditetapkan**”):

Jadual A

Jenis pelanggan		Kriteria Kelayakan
Pelanggan yang membuka akaun gaji	Pelanggan baru	3X entri
Pelanggan yang tiada akaun gaji	Pelanggan sedia ada	1X entri, bagi setiap peningkatan purata deposit bulanan sebanyak RM1,000
	Pelanggan baru	3X bagi setiap peningkatan purata deposit bulanan sebanyak RM1,000
Pelanggan Deposit Berjangka-i	Pelanggan ICM sedia ada	1X entri, bagi setiap RM10,000 deposit baru didalam akaun ICM
	Pelanggan ICM baru	3X entri, bagi setiap RM10,000 deposit baru didalam akaun ICM

* Titik permulaan bagi Pendeposit sedia ada adalah bermula dari 13/02/2017.

- 3.2 Peserta dengan nombor penyertaan peraduan yang tertinggi semasa Tempoh Kempen lebih berpeluang untuk menangi hadiah, tertakluk kepada cabutan bertuah yang dilakukan.
- 3.3 Pelanggan yang membuka akaun gaji adalah pelanggan yang mengkreditkan gaji ke dalam Produk Penyertaan, dilanggan oleh majikan, dengan pembayaran gaji pertama dikreditkan dalam Tempoh Kempen.
- 3.4 Pelanggan baru dan pelanggan sedia ada yang tidak membuka akaun gaji juga layak menyertai Kempen ini, tertakluk kepada memenuhi kriteria deposit minimum yang di nyatakan di dalam Jadual A di atas, dirujuk sebagai “**Deposit Minimum**”.
- 3.5 Hanya deposit ICM baharu dibuat sepanjang Tempoh Kempen layak untuk meyertai Kempen ini.
- 3.6 Pelanggan sedia ada yang membuka akaun gaji dengan Bank TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini.
- 3.7 Produk Penyertaan hendaklah mempunyai rekod yang baik, aktif / sah dan tidak dibatalkan semasa Bank mengkreditkan hadiah wang tunai ke dalam akaun yang mengambil bahagian, jika tidak, peserta tidak layak menerima hadiah wang tunai (rujuk kepada fasal 4).

4. Hadiyah-hadiyah Kempen

- 4.1 Kempen ini menawarkan lapan (8) unit hadiah wang tunai bernilai sehingga enam (6) kali ganda jumlah deposit / gaji ("Hadiyah") seperti yang dinyatakan di bawah:

Jadual B

Hadiyah	Jumlah Pemenang	Nilai Hadiah
Hadiyah Bulanan	6 pemenang	Setiap pemenang akan memenangi 2X bayaran tunai daripada jumlah minimum deposit / gaji bersih bulanan
Hadiyah Utama – Suku tahunan	2 pemenang	Setiap pemenang akan memenangi 6X bayaran tunai daripada jumlah minimum deposit / gaji bersih bulanan

- 4.2 Untuk tujuan pengiraan jumlah wang tunai yang akan diterima, jumlah maksimum gaji bersih bulanan atau deposit purata bulanan dihadkan kepada RM4,000 bagi setiap pemenang, tanpa mengira jumlah gaji bersih bulanan atau deposit purata bulanan dibuat. Untuk pendeposit ICM, jumlah deposit untuk pengiraan jumlah wang tunai yang akan diterima ditetapkan kepada RM4,000, tanpa mengira jumlah deposit ICM, tertakluk kepada Deposit Minimum.

Contoh:

Senario	Hadiyah wang tunai yang dibayar
Pemenang bulanan yang mempunyai gaji bersih bulanan sebanyak RM2,500	RM2,500 x 2X bayaran wang tunai = RM5,000
Pemenang hadiah bulanan bagi pelanggan ICM yang sedia ada, yang meletakkan deposit ICM baru sebanyak RM30,000	RM4,000 x 2X bayaran wang tunai = RM8,000
Pemenang hadiah bulanan bagi pelanggan ICM yang sedia ada, yang meletakkan deposit ICM baru sebanyak RM10,000	RM4,000 x 6X bayaran wang tunai = RM24,000
Pemenang suku tahunan yang mempunyai Minimum Deposit sebanyak RM3,500	RM3,500 x 6X bayaran wang tunai = RM21,000
Pemenang bulanan yang mempunyai gaji bersih bulanan sebanyak RM8,000	RM4,000 x 6X bayaran wang tunai = RM24,000

- 4.3 Setiap pemenang adalah terhad kepada satu (1) Hadiah Bulanan dan / atau satu (1) Hadiah Utama – suku tahunan sepanjang Tempoh Kempen. Tiada tambahan hadiah akan diberikan untuk transaksi yang melebihi Minimum Deposit.
- 4.4 Hadiah akan dikreditkan ke dalam akaun SURE SA / SURE CA pada akhir setiap suku tahunan sepanjang Tempoh Kempen.



5. Pemilihan Pemenang

- 5.1 Tertakluk kepada mematuhi Kriteria Yang Ditetapkan, sebanyak lapan (8) pemenang akan disenarai pendek dan dipilih secara rawak oleh jawatankuasa pemilihan pemenang Bank (“**Pemenang Senarai Pendek**”) untuk menjawab satu soalan cabaran, sebelum diisyiharkan sebagai salah satu pemenang (“**Pemenang**”).
- 5.2 Sebanyak enam (6) Pemenang akan disenarai pendek bagi Hadiah Bulanan, manakala sebanyak dua (2) Pemenang akan disenarai pendek untuk Hadiah Utama – Suku Tahunan i.e pada bulan Mei dan Ogos.
- 5.3 Pemenang Senarai Pendek akan dihubungi oleh pihak Bank dengan sedaya upaya melalui panggilan telefon dengan nombor telefon mereka yang terkini mengikut rekod Bank. Maksima tiga (3) percubaan akan dibuat untuk menghubungi Pemenang yang disenarai pendek dalam masa 2 (dua) hari yang berbeza, dari hari Isnin hingga Jumaat antara jam 10 pagi hingga 6 petang.
- 5.4 Jawatankuasa pemilihan pemenang pihak Bank mempunyai hak mutlak untuk memilih pengganti Pemenang yang telah disenarai pendek lain apabila perlu, termasuk tetapi tidak terhad kepada, senario berikut:
 - a. Pemenang yang tersenarai pendek terus kekal gagal dihubungi;
 - b. Pemenang yang tersenarai pendek gagal menjawab soalan cabaran dengan betul;
 - c. Pemenang yang disenarai pendek telah melantik orang lain / wakil untuk menjawab soalan cabaran / bagi pihaknya;
 - d. Pemenang yang tersenarai pendek telah menawarkan untuk membatalkan hadiahnya;
 - e. Pemenang Kempen tidak menuntut Hadiah dalam tempoh yang ditetapkan.
- 5.5 Setelah menjawab soalan cabaran dengan tepat, Pemenang yang disenarai pendek akan dimaklumkan dengan segera sama ada mereka adalah salah seorang Pemenang atau sebaliknya.
- 5.6 Senarai Pemenang akan dipaparkan di laman sesawang Bank di kfh.com.my atau mana-mana cara lain yang sesuai atau praktikal oleh Bank, pada akhir Tempoh Kempen.
- 5.7 Semua keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa pemilihan pemenang disifatkan sebagai muktamad dan konklusif dan sebarang surat-menyerat, pertanyaan, rayuan atau bantahan tidak akan dilayan dalam apa jua keadaan sekalipun.

6. AM

- 6.1 Dengan menyertai Kempen ini, semua Peserta bersetuju dengan perkara-perkara berikut:
 - a. Memberikan persetujuan kepada Bank untuk menyiar nama dan identiti mereka dalam mana-mana media, pengiklanan atau pemasaran bahan-bahan termasuk wawancara, pemberian hadiah atau acara publisiti lain yang diatur oleh Bank; dan

- b. Bank mempunyai hak mutlak dan tidak terhad untuk mengubah suai, menggunakan dan/ atau menerbitkan imej Pemenang bagi apa-apa tujuan pemasaran atau komersial tanpa apa-apa pampasan atau bayaran.
- 6.2 Pihak Bank mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat yang terkandung di sini secara keseluruhannya atau sebahagiannya dan boleh menamatkan atau melanjutkan Tempoh Kempen dengan memberikan sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari kalender notis terlebih dahulu. Bank boleh memberi notis atau komunikasi tersebut kepada Pemegang Kad yang Layak melalui apa-apa cara atau kaedah yang difikirkan sesuai termasuk tanpa had melalui pos, melalui pemberitahuan dalam media massa, dengan menyiaran notis itu di cawangan-cawangan Bank, dengan memasukkan notis itu ke dalam penyata akaun berkala , melalui penghantaran elektronik (termasuk melalui faksimile, telefon bimbit, peranti lain atau internet) atau dengan memaparkan notis di laman sesawang Bank atau di ATM atau terminal lain di bawah kawalan Bank. Terma dan Syarat ini boleh didapati di laman web Bank di kfh.com.my dan / atau disediakan atas permintaan dari cawangan Bank atau mana-mana saluran penyampaian lain Bank.
- 6.3 Bank mempunyai hak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen atas apa jua sebab, tanpa notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen oleh Bank tidak akan memberikan hak kepada Peserta untuk menuntut atau meminta pampasan daripada Bank atau manamana sekutunya terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami atau ditanggung secara langsung dan hasil langsung daripada tindakan pembatalan penamatan atau penggantungan.
- 6.4 Hadiah yang ditunjukkan dalam iklan Bank dan bahan-bahan pemasaran adalah untuk tujuan ilustrasi dan mungkin tidak mewakili atau menggambarkan reka bentuk sebenar.
- 6.5 Peserta hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang cukai dan / atau duti perlu dibayar berkaitan dengan penyertaan beliau dalam Kempen ini, termasuk penebusan, menerima atau menggunakan Hadiah Percuma dan / atau Hadiah Peraduan.
- 6.6 Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kecederaan, kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh penebusan atau penggunaan hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini.
- 6.7 Dengan undang-undang yang dibenarkan, Bank menawarkan tiada jaminan atau representasi, nyata, tersirat atau berkanun, berhubung dengan Kempen, hadiah dan perkhidmatan yang disediakan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, memperdagangkan kualiti dengan kesesuaian untuk tujuan berkenaan hadiah-hadiah kempen dan tahap penjagaan dan kemahiran dengan perkhidmatan yang berkaitan.
- 6.8 Terma dan Syarat ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang yang terkandung dalam sebarang bahan promosi (termasuk tanpa had, risalah atau banting dicetak) atau mana-mana iklan untuk Kempen ini.
- 6.9 Keputusan yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad kepada semua Peserta. Jika ada perkara berbangkit yang tidak terkandung di dalam Terma dan Syarat ini, ia akan ditentukan oleh Bank.



- 6.10 Keputusan yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad kepada semua Peserta. Jika ada perkara berbangkit yang tidak terkandung di dalam Terma dan Syarat ini, ia akan ditentukan oleh Bank.
- 6.11 Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Peserta bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.
- 6.12 Terma dan Syarat tertentu yang dinyatakan di sini, adalah semua terma dan syarat yang mengawal produk Bank lain hendaklah terus terpakai.
- 6.13 Produk Penyertaan layak dibawah perlindungan PIDM.